



PMS/UP/656-3 JLD. 4 (20)

20 Januari 2014
16 Rabiul Awal 1435H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 1/2014**

PERINGATAN BERKENAAN PROSEDUR PENUTUPAN TAWARAN TENDER

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) telah mengeluarkan surat pekeliling (Bil. 3/1999) yang berkaitan dengan prosedur penutupan tender. Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender), Agensi hendaklah menetapkan jam 12.00 tengah hari pada hari pelawaan tender ditutup (hari bekerja) sebagai waktu terakhir untuk penerimaan tawaran tender.

3. Walau bagaimanapun, bagi tender yang akan ditutup di PMS, pelawaan tender hendaklah **ditutup jam 12.00 tengah hari pada setiap hari Isnin**. Sekiranya pada hari Isnin tersebut merupakan hari cuti am, maka penutupan tender akan diuruskan pada hari berikutnya.

4. Kerjasama daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Salam hormat

(DATUK YUSOF BIN HJ SARANGIT)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah